

## **PROGRAM JALINAN WARISAN KEBANGSAAN DAN UNESCO (JIWAKU) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2021**

**Permatang Pauh, 27 Oktober** – Politeknik Seberang Perai telah dipilih sebagai tuan rumah sempena program Jalinan Warisan Kebangsaan dan UNESCO (JIWAKU) Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia 2021 bagi tahun ini. Program ini berlangsung pada 21 hingga 27 Oktober 2021 secara dalam talian. Seramai 100 orang pelajar politeknik dan kolej komuniti yang terdiri daripada 28 buah institusi (25 buah politeknik dan 3 buah kolej komuniti) telah mengambil bahagian pada kali ini.

Program Jalinan Warisan Kebangsaan dan UNESCO (JIWAKU) Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia 2021 merupakan anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Pengisian utama program ini adalah memperkenalkan budaya, seni dan warisan UNESCO yang terdapat di Pulau Pinang. Antara pengisiannya adalah seperti Bengkel Kuih Tradisi Gedung Cak dan Bunga Puduk, Lawatan Maya Sekitar Tapak Warisan UNESCO, Bengkel Boria dan Pertandingan Video Penyediaan Kuih Gedung Cak. Program ini juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pulau Pinang dan Kedah.

Sebanyak 31 penyertaan Pertandingan Video Penyediaan Kuih Gedung Cak telah diterima daripada institusi yang terlibat. Hanya 10 Pemenang yang akan terpilih beserta 1 anugerah persembahan terbaik. Pelajar daripada Kolej Komuniti Kuala Kangsar, **SHARIFAH ANNIS WAFA BINTI SYED MUNIR WAFA telah berjaya dinobatkan sebagai Juara Video Penyediaan Kuih Gedung Cak. Naib johan juga daripada Kolej Komuniti Kuala Kangsar, NUR HANI ARISSA BINTI MOHD IBRAHIM dan tempat ketiga dimenangi oleh NURSHAHIRA BINTI HAZAMAN daripada Politeknik Kuching, Sarawak. Manakala persembahan terbaik dimenangi oleh MUHAMMAD WAIEUDIN SYAFIQ BIN SABRI daripada Politeknik Ibrahim Sultan.**

Program JIWAKU yang berkonsepkan pendidikan melalui kebudayaan ini telah hampir 10 tahun dianjurkan dengan pelbagai pengisian melibatkan kebudayaan, kesenian dan warisan negeri di Malaysia serta dilaksanakan mengikut zon.

Majlis Penutup JIWAKU Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia 2021 ini telah disempurnakan oleh YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad, Ketua Pengarah, JPPKK.







**JOHAN**  
 HADIAH WANG TUNAI  
 RM500 BESERTA SIJIL



Sharifah Annis Wafa Binti Syed Munir Wafa  
 Kolej Komuniti Kuala Kangsar  
<https://youtu.be/LldXQXchZ4s>

*Jalanan Warisan*

**KEBANGSAAN DAN UNESCO (JIWAKU)**  
 POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2021







*Jalanan Warisan*

**KEBANGSAAN DAN UNESCO (JIWAKU)**  
 POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2021



Tariq Jogheer  
 Staf Pengajar Baitullah

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar  
 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Dengan Kerjasama









